

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**KEUSAHAWANAN SOSIAL, DAYA TAHAN DAN  
DAYA SAING PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN  
TINGGI DI MALAYSIA**

**HARIYATY AB WAHID**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

2014

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kajian ini bertujuan mengenal pasti keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar di IPT. Seramai 1531 pelajar dari 30 buah IPT yang menyertai program SIFE dilibatkan sebagai populasi dalam kajian keusahawanan sosial ini. Sebagai perbandingan dengan pelajar aktif SIFE, populasi pelajar IPT yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Pertama yang tidak menyertai program SIFE pada tahun 2011 juga dilibatkan bagi mengenal pasti tahap daya tahan dan daya saing mereka. Kajian difokuskan kepada penentuan tahap keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar IPT. Kajian turut menentukan sama ada wujud perbezaan tahap keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing berdasarkan demografi. Selain itu, kajian ini mengenal pasti hubungan antara ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dengan pengorganisasian keusahawanan sosial serta sumbangan kedua-duanya ke atas daya tahan dan daya saing pelajar. Soal selidik digunakan untuk memungut data kajian. Statistik deskriptif seperti skor min, sisihan piaawai, peratusan dan frekuensi digunakan untuk memerihal profil keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar IPT. Manakala statistik inferensi meliputi ujian t, ujian ANOVA sehala, ujian korelasi Pearson serta regresi pelbagai diaplifikasi bagi menguji kesemua hipotesis kajian. Hasil kajian mendapati bahawa wujud perbezaan signifikan keusahawanan sosial pelajar aktif SIFE berdasarkan kategori IPT dan tempoh penglibatan. Korelasi positif yang kuat juga wujud di antara ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dengan pengorganisasian keusahawanan sosial, manakala korelasi positif yang sederhana kuat pula wujud di antara keusahawanan sosial dengan daya tahan serta daya saing pelajar. Elemen-elemen keusahawanan sosial juga menyumbang kepada peningkatan skor varians dalam daya tahan dan daya saing pelajar. Hasil kajian diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak yang berkaitan dalam merancang, menyusun dan melaksanakan usaha-usaha menghidupkan program bercorak keusahawanan sosial agar matlamat untuk melahirkan graduan yang memiliki daya tahan dan daya saing yang tinggi dapat direalisasikan.



# SOCIAL ENTREPRENEURSHIP, RESILIENCE AND COMPETITIVENESS OF STUDENTS IN INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING OF MALAYSIA

## ABSTRACT

This study aims to identify social entrepreneurship, resilience and competitiveness of students in IHL. A total of 1531 active students from 30 IHLs participating in the SIFE program were involved as the population in this study of social entrepreneurship. In comparison with the active SIFE student, a population of university students pursuing First Bachelor's Degree who did not join the SIFE program in year 2011 was also involved to identify their level of resilience and competitiveness. The study focuses on determining the level of social entrepreneurship, resilience and competitiveness of IHL students. The study also examined whether there are differences in the level of social entrepreneurship, resilience and competitiveness based on demographics. In addition, this study identifies the relationship between social entrepreneurs' specific personal characteristics with the organization of social entrepreneurship; and the contribution of both towards the students' resiliency and competitiveness. Questionnaires were used to collect data. Descriptive statistics namely mean, standard deviation, percentages and frequencies were used to describe the profile of social entrepreneurship, resilience and competitiveness of IHL students. While inferential statistics including t test, one-way ANOVA, Pearson correlation test and multiple regressions were applied to test the research hypotheses. The results show significant differences in the students' social entrepreneurship based on IHL category and the engagement period. Strong positive correlation exists between both social entrepreneurs' specific personal characteristics and social entrepreneurship organization, whereas a moderately strong positive correlation also exists between social entrepreneurship and the resiliency as well as the competitiveness of the students. Social entrepreneurship elements also contribute towards increase in the variance of scores of resilience and competitiveness among them. The findings are expected to be used by the relevant authorities in planning, organizing and implementing efforts in realizing social entrepreneurship-oriented programs with the aim of producing graduates who are high in resilience and competitiveness.

<b>PENGAKUAN</b>	ii
------------------	----

<b>PENGHARGAAN</b>	iii
--------------------	-----

<b>ABSTRAK</b>	iv
----------------	----

<b>ABSTRACT</b>	v
-----------------	---

<b>KANDUNGAN</b>	vi
------------------	----

<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
-----------------------	-----

<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
----------------------	-----

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
--------------------------	-------

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
	1.2.1 Keusahawanan Sosial	6
	1.2.2 Program <i>Student in Free Enterprise</i> (SIFE) Malaysia	12
1.3	Pernyataan Masalah	16
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	20
	1.4.1 Asas-asas Teori kepada Kerangka Konseptual	22
	1.4.2 Teori Usahawan dan Keusahawanan Sosial	23
	1.4.3 Teori Ciri-Ciri Peribadi Usahawan Sosial	25
	1.4.4 Model Dimensi Keusahawanan Sosial	28
	1.4.5 Model Daya Tahan	32
	1.4.6 Model Kompetensi Pengurusan	34
1.5	Tujuan Kajian	39
	1.5.1 Objektif Kajian	39
	1.5.2 Persoalan Kajian	40
	1.5.3 Hipotesis-Hipotesis Nul Kajian	41
1.6	Definisi Operasional	42
	1.6.1 Keusahawanan Sosial	43

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
1.6.2 Ciri-Ciri Peribadi Khusus Usahawan Sosial	44	44
1.6.3 Pengorganisasian		47
1.6.4 Daya Tahan	49	
1.6.5 Daya Saing	52	
1.6.6 Pelajar	56	
1.6.7 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	56	
1.7 Kepentingan Kajian	57	
1.8 Skop dan Batasan Kajian	61	
1.9 Rumusan	62	
<b>BAB II</b>	<b>ULASAN KEPUSTAKAAN</b>	
2.1 Pengenalan	63	
2.1.1 Pendidikan Keusahawanan	63	
2.2 Konsep Keusahawanan Sosial, Usahawan Sosial dan Perusahaan Sosial	68	
2.2.1 Keusahawanan Sosial	68	
2.2.2 Usahawan Sosial	71	
2.2.3 Perusahaan Sosial	72	
2.3 Teori Dan Model Keusahawanan Sosial	74	
2.3.1 Teori Keusahawanan Sosial	75	
2.3.2 Dimensi Keusahawanan Sosial (Nicholls dan Cho 2008)	77	
2.3.3 Model Tekad Keusahawanan Sosial	78	
2.3.4 Model Kejayaan Permulaan Perniagaan	79	
2.3.5 Model Ciri-Ciri Peribadi dan Kejayaan Usahawan	81	
2.4 Kajian Berkaitan Demografi terhadap Keusahawanan Sosial	82	
2.5 Minat Kerjaya	88	
2.6 Kajian Berkaitan Ciri-Ciri Peribadi Khusus Usahawan Sosial	90	
2.6.1 Mengenal Pasti Peluang Keusahawanan Sosial	95	
2.6.2 Pemimpin Kolaboratif	98	
2.6.3 Motivasi Berorientasikan Masyarakat	101	
2.6.4 Kerja Pasukan	104	

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	2.7.1 Kesosialan	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	107
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	2.7.2 Inovasi	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	109
	2.7.3 Orientasi Pasaran		112
2.8	Konsep, Teori Dan Model Daya Tahan		114
	2.8.1 Konsep Daya Tahan		114
	2.8.2 Profil Individu yang Berdaya Tahan		116
	2.8.3 Model Ketahanan Diri (Maddi & Khoshaba 2005)		118
	2.8.4 Model Cabaran (Wolin & Wolin 1993)		119
	2.8.5 Model Daya Tahan (Richardson et al. 1990)		120
2.9	Kajian Berkaitan Daya Tahan		122
	2.9.1 Daya Tahan Tekanan		123
	2.9.2 Daya Tahan Kesusaahan		127
	2.9.3 Daya Tahan Risiko		130
2.10	Konsep, Teori Dan Model Daya Saing		133
	2.10.1 Konsep Daya Saing		133
	2.10.2 Asas Model Kompetensi		135
	2.10.3 Model Kompetensi Jualan		135
	2.10.4 Model Pembinaan Kompetensi Pelajar AACSB <i>International</i> (2006)		139
	2.10.5 Model Kompetensi Pengurusan (Slocum et al. 2008)		139
2.11	Kajian Berkaitan Daya Saing		140
	2.11.1 Komunikasi		142
	2.11.2 Pengurusan Diri		144
	2.11.3 Merancang dan Mentadbir		146
	2.11.4 Tindakan Strategik		149
	2.11.5 Pelbagai Budaya		150
2.12	Hubungan Ciri-Ciri Peribadi dan Keusahawanan		151
2.13	Hubungan Keusahawanan dengan Daya Tahan dan Daya Saing		155
2.14	Sumbangan Keusahawanan Terhadap Daya Tahan dan Daya Saing		156
2.15	Rumusan		158

### BAB III METODOLOGI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	3.1 Pengenalan	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	159
DRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	159
	3.2 Reka Bentuk Kajian		159

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>3.3</b>	<b>Populasi dan Sampel Kajian</b>			<b>161</b>
<b>3.4</b>	<b>Pemboleh Ubah-Pemboleh Ubah Kajian</b>			<b>165</b>
<b>3.5</b>	<b>Alat Kajian</b>			<b>166</b>
	<b>3.5.1</b>	<b>Pembinaan Alat Kajian</b>		<b>166</b>
	<b>3.5.2</b>	<b>Kesahan Alat Kajian</b>		<b>170</b>
<b>3.6</b>	<b>Kajian Rintis</b>			<b>177</b>
	<b>3.6.1</b>	<b>Kebolehpercayaan Alat Kajian</b>		<b>177</b>
	<b>3.6.2</b>	<b>Kebolehpercayaan Konstruk Keusahawanan Sosial Menggunakan Analisis Faktor Penerokaan (<i>Exploratory Factor Analysis - EFA</i>)</b>		<b>182</b>
<b>3.7</b>	<b>Tata Cara Pemerolehan Data</b>			<b>189</b>
<b>3.8</b>	<b>Tata Cara Penganalisan Data</b>			<b>190</b>
	<b>3.8.1</b>	<b>Statistik Deskriptif</b>		<b>190</b>
	<b>3.8.2</b>	<b>Statistik Inferensi</b>		<b>191</b>
	<b>3.8.3</b>	<b>Pembersihan dan Semakan Data</b>		<b>196</b>
	<b>3.8.4</b>	<b>Pengujian Hipotesis</b>		<b>199</b>
<b>3.9</b>	<b>Rumusan</b>			<b>200</b>
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>			
<b>4.1</b>	<b>Pengenalan</b>			<b>201</b>
<b>4.2</b>	<b>Analisis Deskriptif</b>			<b>202</b>
	<b>4.2.1</b>	<b>Profil Responden Kajian</b>		<b>207</b>
	<b>4.2.2.</b>	<b>Profil Keusahawanan Sosial Pelajar IPT yang Menyertai Program SIFE</b>		<b>208</b>
	<b>4.2.3.</b>	<b>Profil Daya Tahan Pelajar IPT</b>		<b>210</b>
	<b>4.2.4</b>	<b>Profil Daya Saing Pelajar IPT</b>		<b>211</b>
<b>4.3</b>	<b>Analisis Inferensi</b>			<b>213</b>
	<b>4.3.1</b>	<b>Perbezaan Daya Tahan Antara Pelajar SIFE dengan Bukan SIFE</b>		<b>213</b>
	<b>4.3.2</b>	<b>Perbezaan Keusahawanan Sosial Berdasarkan Demografi</b>		<b>215</b>
	<b>4.3.3</b>	<b>Hubungan antara Ciri-ciri Peribadi Khusus Usahawan Sosial dengan Pengorganisasian Keusahawanan Sosial</b>		<b>220</b>

4.4	Rumusan	238
<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	240
5.2	Ringkasan Kajian	240
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	245
5.3.1	Profil Keusahawanan Sosial	245
5.3.2	Profil Daya Tahan dan Daya Saing	260
5.3.3	Perbezaan Keusahawanan Sosial Berdasarkan Demografi	272
5.3.4	Perbezaan Keusahawanan Sosial Berdasarkan Minat Kerjaya	281
5.3.5	Hubungan Ciri-ciri Peribadi Khusus Usahawan Sosial dan Pengorganisasian Keusahawanan Sosial	286
5.3.6	Hubungan Keusahawanan Sosial dengan Daya Tahan	291
5.3.7	Hubungan Keusahawanan Sosial dengan Daya Saing	292
5.3.8	Sumbangan Ciri-ciri Peribadi Khusus Usahawan Sosial Terhadap Daya Tahan	1 293
5.3.9	Sumbangan Pengorganisasian Keusahawanan Sosial Terhadap Daya Tahan	297
5.3.10	Sumbangan Ciri-ciri Peribadi Khusus Usahawan Sosial Terhadap Daya Saing	301
5.3.11	Sumbangan Pengorganisasian Keusahawanan Sosial Terhadap Daya Saing	309
5.4	Implikasi Kajian	318
5.4.1	Implikasi Teoritikal	318
5.4.2	Implikasi Praktikal	321
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	333
5.6	Sumbangan Kajian	335
5.7	Rumusan	337

**LAMPIRAN**

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
A	Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Saiz Populasi (Krecjie & Morgan 1970)	378	
B	Formula Pengiraan ‘Multistage Sampling’	379	
C	Jadual Penentuan Saiz Sampel yang Dikembalikan bagi Sesuatu Saiz Populasi bagi Data Selanjar dan Kategori (Bartlett et al. 2001)	380	
D	Contoh Borang Persetujuan Pakar	381	
E	Senarai Pakar Penilai Soal Selidik	383	
F	Contoh Borang Soal Selidik	384	
G	Surat kebenaran menjalankan penyelidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM)	395	
H	Salinan e-mel kebenaran menggunakan pelajar SIFE sebagai populasi dan sampel kajian	396	
I	Senarai Pembantu Kajian Lapangan (Enumerator)	397	
J	Senarai IPTA/IPTS yang Terlibat dalam Program SIFE 2011	398	
K	Surat Permohonan Penilaian Soal Selidik	399	
L	Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian	400	
M	Jadual Perbandingan Model dalam Kajian	401	
N	Output Terpilih: Histogram Menunjukkan Normaliti Data	402	
O	Jadual Keputusan <i>Harman's Single Factor Test</i>	403	

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**  
**SENARAI JADUAL**

No. Jadual

1.1	Kes-kes keusahawanan sosial	8
1.2	Projek keusahawanan sosial oleh pelajar SIFE	13
2.1	Definisi keusahawanan, usahawan dan perusahaan sosial	72
2.2	Cara-cara mengklasifikasikan ciri-ciri	91
2.3	Kerangka konseptual peluang keusahawanan sosial	96
2.4	Faktor-faktor perlindungan dalaman dan luaran individu berdaya tahan	117
2.5	Model Cabaran	120
2.6	Model Kompetensi Jualan	137
3.1	Pemboleh ubah sebagai konstruk dan subkonstruk kajian	165
3.2	Pengukuran dan reka bentuk soal selidik sebelum kajian rintis	168
3.3	Interpretasi skor min bagi menentukan tahap persetujuan pakar terhadap item-item keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar IPT	173
3.4	Tahap persetujuan pakar bagi kandungan kajian (pusingan pertama)	175
3.5	Tahap persetujuan pakar bagi kandungan kajian (pusingan kedua)	176
3.6	Analisis kebolehpercayaan item-item keusahawanan sosial ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dan pengorganisasian keusahawanan sosial	178
3.7	Analisis kebolehpercayaan item-item daya tahan dan daya saing	180
3.8	Dapatkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi Cronbach's Alpha bagi kajian rintis	182
3.9	Nilai pengukur <i>Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)</i> , ujian <i>Bartlett's Sphericity</i> dan peratus kumulatif nilai <i>Eigen</i>	183

3.10	Jadual kesahan konstruk ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial	184
3.11	Jadual kesahan konstruk pengorganisasian keusahawanan sosial	184
3.12	Jadual kesahan konstruk daya tahan	185
3.13	Jadual kesahan konstruk daya saing	186
3.14	Taburan item keusahawanan sosial selepas EFA	188
3.15	Taburan item daya tahan selepas EFA	188
3.16	Taburan item daya saing selepas EFA	189
3.17	Interpretasi skor min bagi menentukan tahap keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar IPT	191
3.18	Anggaran kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah	194
3.19	Keputusan ujian kepencongan dan kurtosis bagi ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dan pengorganisasian keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar SIFE	197
3.20	Keputusan ujian kepencongan dan kurtosis bagi daya tahan dan daya saing pelajar IPT	198
3.21	Keputusan ujian kepencongan dan kurtosis bagi daya saing pelajar IPT	198
3.22	Objektif dan hipotesis kajian serta kaedah analisis data yang akan digunakan	199
4.1	Taburan keseluruhan responden mengikut demografi	202
4.2	Skala skor min dan interpretasi bagi keusahawanan sosial	208
4.3	Profil keusahawanan sosial pelajar SIFE	209
4.4	Profil ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial pelajar SIFE	209
4.5	Profil pengorganisasian keusahawanan sosial pelajar SIFE	210
4.6	Profil daya tahan pelajar IPT	210
4.7	Profil daya tahan pelajar SIFE dan pelajar bukan SIFE	211
4.8	Profil daya saing pelajar IPT	212

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.9 Profil daya saing antara pelajar SIFE dan bukan SIFE		212
4.10 <i>Levene's test of equality of error variances</i>		213
4.11 Keputusan ujian-t tidak bersandar bagi daya tahan antara pelajar SIFE dan Bukan SIFE		214
4.12 Keputusan ujian-t tidak bersandar bagi daya saing antara pelajar SIFE dan Bukan SIFE		215
4.13 Keputusan ujian t bagi keusahawanan sosial berdasarkan jantina		216
4.14 Keputusan ujian t bagi keusahawanan sosial berdasarkan kategori IPT		216
4.15 Keputusan ujian t bagi keusahawanan sosial berdasarkan minat kerjaya		217
4.16 Nilai min dan sisihan piawai bagi ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial mengikut tempoh penglibatan pelajar dalam SIFE		218
4.17 Keputusan ANOVA sehalal bagi ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial pelajar berdasarkan tempoh penglibatan dalam SIFE		218
4.18 Keputusan perbandingan <i>Post-hoc</i> menggunakan ujian <i>Scheffe</i> bagi pemboleh ubah bersandar ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial		219
4.19 Nilai min dan sisihan piawai bagi pengorganisasian keusahawanan sosial mengikut tempoh penglibatan pelajar dalam SIFE		219
4.20 Keputusan ANOVA sehalal bagi pengorganisasian keusahawanan sosial berdasarkan tempoh penglibatan		220
4.21 Keputusan ujian korelasi antara ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dengan pengorganisasian keusahawanan sosial		220
4.22 Keputusan ujian korelasi antara ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dengan daya tahan		221
4.23 Keputusan ujian korelasi antara pengorganisasian keusahawanan sosial dengan daya tahan		222

4.24

Keputusan ujian korelasi antara ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dengan daya saing

222

4.25

Keputusan ujian korelasi antara pengorganisasian keusahawanan sosial dengan daya saing

223

4.26

Analisis varians (ANOVA)

226

4.27

Analisis regresi linear pelbagai (*stepwise*) bagi meramal sumbangan elemen ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial ke atas daya tahan pelajar SIFE

226

4.28

Analisis Varians (ANOVA)

229

4.29

Analisis regresi linear pelbagai (*stepwise*) bagi meramal sumbangan elemen pengorganisasian keusahawanan sosial ke atas daya tahan pelajar SIFE

229

4.30

Analisis Varians (ANOVA)

233

4.31

Analisis regresi linear pelbagai (*stepwise*) bagi meramal sumbangan elemen ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial ke atas daya saing pelajar SIFE

234

4.32

Analisis Varians (ANOVA)

237

4.33

Analisis regresi linear pelbagai (*stepwise*) bagi meramal sumbangan elemen pengorganisasian keusahawanan sosial ke atas daya saing pelajar SIFE

237

No. Rajah		
1.1	Dimensi Keusahawanan Sosial	29
1.2	Model Daya Tahan	32
1.3	Model Kompetensi Pengurusan	35
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	38
2.1	Model Tekad Keusahawanan Sosial	79
2.2	Model Kejayaan Permulaan Perniagaan	80
2.3	Model Ciri-Ciri Peribadi dan Kejayaan Usahawan	81
2.4	Model Ketahanan Diri	119
2.5	Model Piramid Kompetensi	136
3.1	Saiz populasi dan pensampelan	164
3.2	Carta alir pembinaan item bagi soal selidik keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar IPT	167
4.1	Plot kumulatif kebarangkalian normal bagi regresi ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial ke atas daya tahan	224
4.2	Plot sebaran skor bagi regresi ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial ke atas daya tahan	224
4.3	Plot kumulatif kebarangkalian normal bagi regresi pengorganisasian keusahawanan sosial ke atas daya tahan	227
4.4	Plot sebaran skor bagi regresi pengorganisasian keusahawanan sosial ke atas daya tahan	228
4.5	Plot kumulatif kebarangkalian normal bagi regresi ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial ke atas daya saing	230
4.6	Plot sebaran skor bagi regresi regresi ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial ke atas daya saing	231

4.7

Plot kumulatif kebarangkalian normal bagi regresi  
pengorganisasian keusahawanan sosial ke atas  
daya saing

235

4.8

Plot sebaran skor bagi regresi pengorganisaian  
keusahawanan sosial ke atas daya saing

235



## UNIVERSITI PENDIDIKAN SINGKATAN

AMLE	Academy of Management Learning and Education
ANOVA	Analysis of Variance
APK	Asas Pembudayaan Keusahawanan
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BRAC	Bangladesh Rural Advancement Committee
CCPKUS	Ciri-Ciri Peribadi Khusus Usahawan Sosial
CSR	Corporate Social Responsibility
DS	Daya Saing
DT	Daya Tahan
EFA	Exploratory Factor Analysis
EKS	Enterprais Kecil dan Sederhana
Enactus	Entrepreneurship Action by Us
FA	Faculty Advisor
FPN	Falsafah Pendidikan Nasional
GB	Grameen Bank
GEW	Global Entrepreneurship Week
GFI	Goodness of Fit Index
IIUM	International Islamic University Malaysia
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPPA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta

ISMP

Ijazah Sarjana Muda Pertama

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVE

KKM

ENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kementerian Kesihatan Malaysia

SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

KLMU

Kuala Lumpur Metropolitan College

KMO

Kasier-Meyer-Olkin

KPM

Kementerian Pelajaran Malaysia

KPTM

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

KS

Keusahawanan Sosial

MBD

Mahasiswa Bertaraf Dunia

MDeC

Multimedia Development Corporation

MEDEC

Malaysia Entrepreneurship Development Centre

MMU

Multimedia University

MPPB

Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

NGO

Non Government Organisation

PACOS

Partners of Community Organisation

PKS

Pengorganisasian Keusahawanan Sosial

P&amp;P

Pengajaran dan Pembelajaran

PUM

Program Usahawan Muda

RMK10

Rancangan Malaysia Ke-10

SIFE

Students in Free Enterprise

SPSS

Statistical Package for Social Sciences

TEA

Total Entrepreneurship Activity

TMK

Teknologi Maklumat dan Komunikasi

UCU

Uganda Christian University

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UDM

Universiti Darul Iman Malaysia

UiTM

Universiti Teknologi MARA

**UKM**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVE

**UMI**

**Universiti Malaya**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**UMK**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**UMP**

**Universiti Malaysia Pahang**

**UMS**

**Universiti Malaysia Sabah**

**UMT**

**Universiti Malaysia Terengganu**

**UNIKL**

**Universiti Kuala Lumpur**

**UNIMAP**

**Universiti Malaysia Perlis**

**UNIRAZAK**

**Universiti Tun Abdul Razak**

**UNISZA**

**Universiti Sultan Zainal Abidin**

**UNITEN**

**Universiti Tenaga Nasional**

**UPM**

**Universiti Putra Malaysia**

**UPSI**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

**USIM**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

**USM**

**Universiti Sains Malaysia**

**UTeM**

**Universiti Teknikal Malaysia**

**UTHM**

**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**UTM**

**Universiti Teknologi Malaysia**

**UTP**

**Universiti Teknologi Petronas**

**UUM**

**Universiti Utara Malaysia**

**YE**

**Young Enterprise**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Keperluan melahirkan graduan yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan menuntut kepada transformasi secara bersepadu oleh pengurusan di setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Penerapan nilai dan kemahiran keusahawanan melalui pemupukan kesedaran, pembudayaan dan pengukuhan dapat meningkatkan lagi keberkesanan setiap program pembangunan keusahawanan di IPT. Menerusi platform pendidikan dan keusahawanan, program keusahawanan sosial perlu diperkenal dan dibudayakan dalam kalangan pelajar IPT (Mohamed Khaled 2009; Anon 2009; Saifuddin 2012, Noor Faizah et al. 2012; Syed Zamberi 2013). Pendekatan keusahawanan sosial ini telah diamalkan oleh beberapa negara maju dunia seperti Amerika Syarikat dan Eropah, malah sudah mula mendapat perhatian kuasa baru ekonomi seperti India (Haugh 2007; Bornstein 2007; Bernama 2010). Namun, penggunaan konsep keusahawanan sosial masih baru di negara ini dan perlu diperluas sejajar dengan kepentingan penguasaan 3K iaitu keterampilan, kepimpinan dan kompetensi dalam kalangan pelajar.

Tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran ramai usahawan perniagaan yang berjaya mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui hasil dan kelebihan rezeki yang diperoleh usahawan tersebut. Keusahawanan sosial juga perlu bergerak seiring dengan keusahawanan dan perniagaan umum tersebut (Mohammad Reza et al. 2010).

Kehadiran lebih ramai usahawan perniagaan dan usahawan sosial diharapkan dapat membantu sasaran 40 peratus daripada rakyat Malaysia yang berpendapatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
 rendah daripada terpinggir dari arus perdana ekonomi (Unit Perancang Ekonomi 2010).

Secara umum, ciri-ciri usahawan sosial dikenal pasti melalui kebolehan usahawan sosial menyelesaikan masalah sosial yang berskala besar; menyedari impak terhadap peningkatan nilai atau faedah kepada masyarakat mundur; penekanan inspirasi untuk berjaya dan mempunyai kreativiti; serta bijak mengambil peluang terhadap cabaran dan perubahan sistem yang tidak adil (Dana 2001; Morse & Dudley 2002; Bornstein 2004; Mair & Marti 2005; Bornstein 2007; Haugh 2007; Brooks 2009). Untuk merealisasikan masyarakat berpengetahuan yang berani merebut serta memanfaatkan peluang keusahawanan sosial khususnya dan perniagaan amnya, maka pendidikan yang bersesuaian perlu diterapkan. Untuk itu, sektor pendidikan secara langsung telah diberi amanah untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab melahirkan modal insan yang berkualiti termasuklah para usahawan. Perkara ini adalah sejajar dengan hasrat negara yang amat mengambil berat dan menekankan pelaksanaan pembangunan modal insan secara menyeluruh sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi sekaligus membentuk masyarakat yang memiliki sistem nilai yang boleh diteladani.

Usaha tersebut berlanjutan hingga ke Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10 2011-2015) dengan agenda penting melibatkan tumpuan yang lebih besar kepada usaha-usaha memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan yang cemerlang di samping memantau serta melonjakkan pendidikan sebagai salah satu daripada tujuh bidang ekonomi utama negara (Unit Perancang Ekonomi 2010). Sehubungan itu, pendidikan yang komprehensif meliputi sistem penyampaiannya, latihan dan program pembelajaran sepanjang hayat perlu terus dilaksana dengan berkesan. Penekanan serius terhadap pembangunan kemahiran usahawan bagi semua peringkat pendidikan serta latihan untuk membantu mewujudkan masyarakat usahawan juga perlu dimantapkan (Norasmah et al. 2012b; Syed Zamberi 2013). Kaedah atau pendekatan pendidikan keusahawanan yang berkesan perlu dibangunkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS agar memilikinya ciri-ciri bersepadan dengan menyeluruh, berterusan dan diasaskan pada kompetensi diri, kekuatan diri, daya tahan, daya saing, nilai-nilai ketuhanan dan juga nilai-nilai murni (Jaafar & Nik Mu'tasim 2002; Ming et al. 2009; Unit Perancang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
 Ekonomi 2010; Syed Zamberi 2013). Ciri-ciri keusahawanan yang mantap dan kekuatan jati diri insan yang padu amat penting bagi menghadapi fenomena globalisasi yang mewarnai kehidupan sosial serta ekonomi masyarakat masa kini.

Untuk tujuan tersebut, pendekatan keusahawanan sosial boleh dipraktikkan bagi melancarkan lagi proses dan aktiviti transformasi persekitaran yang menggalakkan daya saing, daya tahan serta kualiti keusahawanan dalam kalangan modal insan seperti yang dimaksudkan. Tambahan pula, pihak kerajaan begitu mengalu-alukan pendekatan keusahawanan sosial (Noor Faizah et al. 2012; Saifuddin 2012) serta akan mengambil tindakan berterusan untuk memperkuuh sistem inovasi negara. Salah satu dimensi yang menjadi fokus pihak kerajaan ialah usaha pembentukan persekitaran yang menyokong inovasi meliputi pembangunan sumber manusia, membuat pelaburan dalam hal ehwal infrastruktur inovasi di samping memupuk penerokaan bidang baru menerusi projek inkubator (Unit Perancang Ekonomi 2010).

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pendidikan adalah salah satu faktor utama bagi melahirkan masyarakat yang berkualiti untuk membangunkan negara (Mohamed Khaled 2009). Menurut Palmisano (2001), pendidikan merujuk kepada institusi sosial yang bertanggungjawab menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat selain menjadi saluran utama untuk membawa transformasi kepada masyarakat. Zailan dan Sh. Azab (2007) mendefinisikan pendidikan sebagai satu proses menimba dan memperoleh ilmu supaya manusia boleh mengecap manfaat ilmu tersebut dalam menerangi serta mengubah diri sendiri juga masyarakat. Pendidikan dan pengisiannya amat penting kerana ia berfungsi membantu seseorang individu membangunkan kapasiti yang dimiliki berbekalkan pengetahuan dan pengalaman positif atau sebaliknya (Adriana 2006).

Fungsi pendidikan ternyata begitu sinonim dengan masyarakat. Sehubungan itu, Malaysia memberi penekanan tinggi terhadap pembangunan modal insan kelas pertama dengan bina upaya merupakan pendekatan utama ke arah mencapai status negara maju pada tahun 2020. Misi nasional untuk melahirkan modal insan kelas

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS pertama ini dapat dizahirkan melalui pendidikan yang berkesan kerana modal insan adalah harta yang boleh disuntik nilai tambahnya, diinjukkan nilai inteleknya serta diperbanyak modal budayanya (Ab Aziz 2009). Keberkesanan pendidikan yang disalurkan seharusnya dizahirkan pula dengan pertambahan bilangan individu yang berketerampilan, memiliki peribadi dan akhlak mulia, tajam daya inteleknya, berkemahiran tinggi serta beretika bagi mengisi keperluan negara maju sepenuhnya kelak.

Seiring dengan abad ke-21 ini, negara turut menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi dan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta pengantarabangsaan yang menuntut modal insan agar progresif serta mampu bersaing di pasaran kerja global. Daya saing adalah faktor penting yang membantu mengekalkan pertumbuhan dan kesejahteraan sesebuah negara dalam ekonomi global untuk jangka panjang. Menurut Dato' Sri Mustapha Mohamed, Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bagi meningkatkan daya saing negara; budaya daya saing itu sendiri perlu dipupuk melalui kaedah pasak daya saing yang salah satunya terdiri daripada '*efficiency enhancers*' meliputi pengajian tinggi dan latihan (Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri 2011).

Secara amnya, daya tahan dan daya saing merupakan elemen yang penting dibudayakan dalam kalangan masyarakat negara ini bagi kelangsungan ekonomi dan sosial yang mapan. Secara khususnya, kedua-dua elemen tersebut perlu dipupuk dan dimantapkan dalam kalangan warga pelajar di IPT sebagai persiapan menghadapi pasaran kerja selepas bergraduat. Oleh itu, pendidikan yang ditawarkan perlu menekankan pembentukan modal insan yang bukan sahaja mampu berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif; malah harus effisien dalam menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta dan memanfaatkan peluang, mempunyai daya tahan dan daya saing yang kukuh, kompeten serta berkebolehan menghadapi serta mengadaptasi persekitaran ekonomi global dan sosial yang sering berubah.

Sehubungan itu, IPT berperanan menyumbang inovasi dalam ekonomi dan sosial untuk membangunkan modal insan berpengetahuan serta berpengalaman (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001; Zaharah et al. 2013). Perkara ini adalah bertepatan dengan 'nature' IPT itu sendiri sebagai organisasi sistematik dan formal

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS yang menawarkan program akademik bagi menyediakan pelajar yang mampu mengurus serta mengaplikasikan pengetahuan dalam tindakan (Collins et al. 2004) sekaligus melahirkan tenaga kerja profesional yang memiliki kemahiran, jati diri dan daya saing yang tinggi (Rohaila 2007; Wong 2012) bagi tujuan membantu negara mengatasi kemelut sosial serta ekonomi.

IPT umumnya dan universiti khasnya adalah sumber kepada firma baru berasaskan teknologi di mana ia merupakan satu institusi teras yang berada dalam liputan wilayah ilmu serta memusatkan aktivitinya kepada pemindahan ilmu secara langsung mahupun tidak langsung, secara formal dan juga secara tidak. Sungguhpun begitu, tiada sebarang jaminan bahawa pengetahuan baru akan dipindahkan kepada usahaniaga baru dan juga industri baru tanpa ada modal insan yang menggerakkannya (Norashidah 2009). Sehubungan itu, pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan yang berkaitan dengan peningkatan kualiti sumber manusia, misalnya Dasar Modal Insan dan Dasar Keusahawanan Negara. Selain itu, berdasarkan maklumat daripada RMK-10, kerajaan akan terus menumpu kepada pembentukan sumber manusia pada tempoh tahun 2011 hingga 2015 dengan memfokus kepada penambahbaikan sistem pengajian.

Dari sudut pembudayaan keusahawanan pula; modal insan, modal teroka dan nasihat pengurusan yang baik adalah rencah penting dalam resipi keusahawanan. Jika tiada salah satu daripadanya, secara automatik kegiatan keusahawanan akan lumpuh. Ini telah membawa kepada kepentingan untuk melahirkan lebih ramai modal insan yang memiliki keupayaan keusahawanan menerusi platform pendidikan (Norasmah 2002; Nor Aishah 2006; Ming et al. 2009; Norani 2009; Gatchalian 2010; Mazura & Norasmah 2010; Syed Zamberi 2013). Sehubungan dengan itu, semua program keusahawanan di IPT telah dinamakan sebagai Program Pembudayaan Keusahawanan Siswa yang mempunyai empat aktiviti utama iaitu: (i) modul keusahawanan yang diajar untuk semua pelajar tahun pertama sebanyak dua jam kredit, (ii) penganjuran kursus asas keusahawanan siswa selama lima hari untuk pelajar tahun akhir, (iii) Program Pembangunan Usahawan Siswa (PPUS) dan (iv) program *Student In Free Enterprise* (SIFE) yang bertujuan menggalakkan siswa menceburi secara aktif aktiviti ekonomi dan kemasyarakatan ke arah meningkatkan taraf ekonomi serta sosial (Wan Mohd Zaifurin & Nooran Nashriah 2009; www.insken.gov.my 2013).

### 1.2.1 Keusahawanan Sosial

Antara cabang ilmu dan aliran baru yang berkembang dalam disiplin keusahawanan ialah keusahawanan sosial yang turut dikenali sebagai keusahawanan rakyat atau keusahawanan sivik. Keusahawanan sosial adalah satu pendekatan keusahawanan yang usianya masih di peringkat bayi dan berkembang seiring dengan pendidikan keusahawanan itu sendiri (Alvord et al. 2002; Shukla 2006; Weerawardena & Mort 2006; Borstein & Davis 2010; Gatchalian 2010; Megre et al. 2012). Namun, pendekatan dan nilai keusahawanan yang diketengahkan menerusi keusahawanan sosial ini amat besar ertiannya terhadap pertumbuhan modal insan yang dinamik, perubahan sosial dan juga ekonomi sesebuah negara (Alvord et al. 2002; Mair & Marti 2005; Bessant & Tidd 2007; Bornstein 2007; Malecki 2007; Nicholls & Cho 2008; Mohammad Reza et al. 2010).

Antara peranan penting keusahawanan sosial terhadap masyarakat dan negara ialah keupayaannya menghapuskan fenomena kemiskinan serta kelaparan yang ekstrem (Alvord et al. 2002; Mair & Marti 2005; Bornstein 2007; Brooks 2009; Mohammad Reza et al. 2010; Saifuddin 2012), memperjuangkan hak masyarakat untuk mendapatkan pendidikan asas secara universal (Alvord et al. 2002; Mair & Marti 2005; Bornstein 2007), memperjuangkan kesaksamaan gender dan pada masa yang sama memperkasakan wanita (Mair & Marti 2005; Bornstein 2007), mengurangkan angka kematian kanak-kanak melalui peningkatan sistem penjagaan, kesihatan, dan pendidikan (Mair & Marti 2005; Bornstein 2007; Verma 2009), meningkatkan penjagaan kesihatan para ibu (Mair & Marti 2005; Bornstein 2007), memerangi HIV/AIDS (Mair & Marti 2005; Bornstein 2007) serta malaria dan wabak penyakit lain (Mair & Marti 2005; Bornstein 2007) serta memelihara alam dan persekitaran (Alvord et al. 2002; Verma 2009).

Dalam mengatasi kemelut sosial dan ekonomi secara serentak, pendekatan keusahawanan sosial dilihat sebagai alternatif yang makin digemari oleh pihak kerajaan, pengamal pendidikan, pengamal keusahawanan dan aktivis sosial (Murphy & Coombes 2003; Shukla 2006). Keusahawanan sosial yang berfokus kepada kebijakan sosial dan penjanaan semula kesedaran sivik, telah menjadi platform kewujudan pelbagai program pembelajaran dan persekitaran yang mampu melahirkan